

DALAM SEBUAH HUBUNGAN, TERKADANG KITA HARUS MENGORBANKAN SESUATU DEMI KEBAIKAN BERSAMA PASANGAN. NAMUN SECARA PURATANYA, KAUM WANITA LEBIH CENDERUNG MELAKUKAN PENGORBANAN DALAM HUBUNGAN PERCINTAAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN LELAKI.



WANITA MUDAH BERKORBAN

Wanita dan pengorbanan memang cukup sinonim. Boleh dikatakan tiada wanita yang tidak melakukan pengorbanan di dunia ini kerana setiap fasa kehidupan yang dilalui, menuntut pengorbanan kaum hawa bagi membolehkan mereka menikmati kejayaan dan kebahagiaan hidup.

Lebih menarik, pengarang buku *Women & Sacrifice*, Myrna Writewood menyatakan segala pengorbanan itu dilakukan wanita dengan setulus hati berpandukan logik akal, berteraskan realistik dan realiti kehidupan hanya kerana inginkan yang terbaik buat keluarganya. Sebenarnya selain tuntutan kehidupan, pengorbanan yang dilakukan wanita dipengaruhi pelbagai faktor. Antaranya:

HORMON

Kajian University of Amsterdam, Netherlands, yang diketuai oleh pakar psikologi sosial, Carsten de Dreu itu mendapati hormon oksitoksin yang terdapat dalam tubuh individu mampu mewujudkan perasaan kasih sayang sesama manusia. Berkait rapat dengan otak, oksitoksin merangsang perasaan sayang yang menggebu dalam diri seorang ibu terhadap anak-anaknya.

Tidak hanya meningkatkan perasaan kasih seorang ibu terhadap

anak-anaknya, hormon tersebut juga menimbulkan sifat pelindung dalam diri wanita sehingga si ibu sanggup berkorban apa sahaja demi anak-anak dan keluarganya. Malah dengan kehadiran oksitoksin, ikatan sosial yang cukup erat di antara ibu dan anak akan terbina secara semula jadi tanpa batasan.

TUNTUTAN AGAMA

Agama menjelaskan syurga seorang isteri terletak atas keredaan suami terhadap diri mereka. Jika suami reda dan merestui perilaku mereka maka hidup para isteri akan diberkati Tuhan, jika sebaliknya mereka akan hidup bersalut dosa. Selain itu, seorang isteri juga tidak boleh bertindak sesuka hati. Sebarang perbuatan perlu mendapat keizinan suami. Tuntutan agama ini menuntut isteri untuk mengorbankan kebebasan diri, masa, tenaga, pendidikan serta kerjaya mereka untuk berbakti kepada suami dan anak-anak.

NALURI

Naluri keibuan yang terbit dalam diri seorang wanita membuatkan mereka tidak betah untuk meninggalkan anak dan kaum keluarganya dalam jangka masa panjang. Justeru biarpun terpaksa mengorbankan nyawa, wang dan tenaga seorang ibu akan sentiasa berada di sisi anak-anaknya dan takkan pernah mensia-siakan mereka. Biarpun

segala pengorbanan itu tidak dibayar dengan harta benda mahupun wang ringgit, kejayaan yang dilakar anak-anak dalam kehidupan sudah memadai buat mereka.

TANGGUNGJAWAB

Tidak mudah melaksanakan peranan sebagai seorang ibu. Segalagalanya perlu dilaksanakan dengan penuh kasih sayang, tanggungjawab dan keikhlasan agar anak-anak terdidik dengan sempurna. Dalam usaha melaksanakan tanggungjawab ini, tidak semua kaum wanita betah atau kuat untuk mengendalikan karier seiring rumah tangga. Apa lagi jika sang suami tidak mahu membantu melakukan kerja-kerja rumah. Justeru, pengorbanan perlu dilakukan wanita bagi memastikan rumah tangga berada dalam keadaan baik dan sempurna demi kesejahteraan serta kebahagiaan keluarga.

KESELAMATAN

Kematian bayi dan kanak-kanak angkara kecuai pengasuh serta pembantu rumah membuatkan kaum ibu berasa risau akan keselamatan anak-anak mereka tatkala keluar bekerja. Disebabkan itu, ramai kaum ibu nekad untuk mengorbankan kerjaya mereka bagi menguruskan anak-anak. Pengorbanan karier itu dibuat untuk memastikan keselamatan anak-anak lebih terjamin di bawah asuhan mereka.